

Musnah sarang burung gagak

Antara inisiatif MDK dalam mengurangkan kehadiran haiwan itu sekitar daerah ini

PARIT BUNTAR - Majlis Daerah Kerian (MDK) mengadakan operasi memusnahkan sarang pembiakan burung gagak dan kerja-kerja penyelenggaraan pokok sekitar daerah ini bermula Jan lalu.

Yang Dipertuanya, Abdul Khair Ahmad berkata, operasi ini diadakan bagi mengurangkan masalah kehadiran burung gagak di kawasan terbit.

Menurutnya, masalah peningkatan populasi burung gagak di sekitar Pusat Bandar di sini dan beberapa lokasi berhampiran sebenarnya berlarutan sejak lebih lima tahun lalu.

Bagaimanapun, katanya, haiwan itu kini berkurangan dan hanya tertumpu kepada satu lokasi dikenal pasti ketika ini iaitu Pasar Awam Parit Buntar.

"MDK tidak menafikan sebelum ini mencipta inovasi 'hantu burung' yang pada mulanya berjaya menangani



Abdul Khair (enam, kiri) bersama sukarelawan operasi menembak gagak mempamerkan sebahagian bangkai burung gagak ditembak di pekarangan Hentian Raya Parit Buntar.

masalah kehadiran burung gagak di beberapa lokasi tumpuan kehadiran haiwan itu.

"Namun, inovasi itu tidak memberi penyelesaian jangka masa panjang kerana sifat cerdik burung gagak

lama-kelamaan mengenal pasti 'bangkai' burung gagak digantung sebenarnya hanya replika diperbuat bahan gentian getah," katanya kepada media selepas melancarkan Operasi Menembak Gagak di Hentian Raya, kelmarin.

Hadir sama, Pegawai Rela Daerah Kerian, Roslan Md Rodi; Pegawai Perkhidmatan Daerah Kerian, Zulkifli Othman dan Pegawai Perkhidmatan Daerah Selama, Nur Sharim Mohamed Noor.

Abdul Khair berkata,

MDK turut memperuntukkan sejumlah RM700,000 bagi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan pokok secara besar-besaran di seluruh Parlimen Parit Buntar.

"Kerja penyelenggaraan pokok ini amat penting kerana selain bertujuan mengelakkan ancaman pokok tumbang akibat angin kencang dan ribut, pokok-pokok tinggi turut menjadi tumpuan burung gagak membina sarang pembiakan mereka.

"Kesan pelaksanaannya menampakan keberkesanan apabila kota berjaya meminimumkan lokasi tumpuan kehadiran burung gagak kepada satu, berbanding empat atau lima sebelum ini, katanya.

Abdul Khair berkata, MDK masih mencari kaedah penyelesaian terbaik bagi membendung sepenuhnya populasi burung gagak itu daripada terus menjejaskan imej

kebersihan daerah Kerian.

Selain melaksanakan operasi menembak gagak sebanyak dua kali setahun, beliau menegaskan MDK turut mengadakan perbincangan dengan beberapa pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri lain bagi mendapatkan khidmat ruisah.

"Ancaman kehadiran burung gagak secara berleluasa pastinya akan mengotorkan kemudahan awam dan kawasan premis niaga sekiranya ianya tidak ditangani dengan segera," katanya.

Sementara itu, Abdul Khair berkata, operasi menembak gagak disertai 32 anggota Rela, anggota penguatkuasa MDK dan labatan Perkhidmatan berjaya memusnahkan 164 ekor burung gagak.

Menurutnya, operasi dijalankan dalam keadaan terkawal itu bermula pada jam 6.30 petang dan berakhir pada jam 8 malam.

Jual minyak paket dalam botol

PARIT BUNTAR - Penduduk menyuarakan kebimbangan kemungkinan berlaku penuluran penjualan minyak masak paket satu kilogram yang dijual semula dalam botol mineral dalam kalangan peniaga daerah Kerian.

Seorang pengguna, Ajeeb Suzalley Ahmad, 44, berkata, trend perbuatan itu tidak mustahil menjadi popular dalam kalangan peniaga kerana lebih menguntungkan.

Menurutnya, beberapa premis runcit di sekitar Parit Buntar dan Kuala Kurau memulakan bekalan minyak masak paket satu kilogram sering lehabisan kerana 'diborong' golongan peniaga dan pengguna dalam kuantiti luar biasa.

"Akhirnya, saya ditawarkan membeli minyak masak dalam bentuk botol mineral 1.5 liter yang dijual dengan harga RM3.

"Saya segera melaporkan kejadian itu kepada KPDNKK (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperni dan Kepsenggunaan) cawangan Parit Buntar dan bersetuju tindakan segera diambil agensi berkenaan terhadap penuncit terbit," katanya.



Trend menjual minyak masak bersubsidi dibotolkan semula dengan botol mineral 1.5 liter dibimbangi akan semakin menular dalam kalangan peniaga di daerah Kerian.

Ajeeb Suzalley berkata, bekalan minyak masak paket kini turut menjadi sasaran pembelian golongan peniaga kedai makan secara pakal.

"Senario begini sebenarnya tidak sihat kerana minyak masak paket bersubsidi itu seharusnya disasarkan kepada golongan penduduk kurang berkemampuan," katanya.

Sewa kuarters terbiar kepada belia tempatan

TITI SERONG - Kerajaan negeri diusahakan untuk menyewakan kuarters kerajaan di daerah ini yang terbiar kepada belia tempatan yang memerlukan tempat tinggal.

Adun Titi Serong, Abu Bakar Hussain berkata, sehingga kini, pihaknya mengumpul pasti sekurang-kurangnya lima kuarters guru, labatan Penganjur dan Saliran (IPS) dan IADA Kerian di sekitar Kuala Bagan Tiang, Sungai Setar, Parit Kasu dan Batu 5 terbiar sejak tiga hingga 10 tahun lalu atas sebab tidak dijangka.

Menurutnya, kuarters terbiar termasuklah dua kuarters guru di Kampung Sungai Setar difahamkan menempatkan lebih 20 unit rumah untuk kemudahan guru-guru mengajar di daerah ini.

"Saya difahamkan dua kuarters guru di Kampung Sungai Setar dan Kampung Parit Kasu di sini, kini terbiar tidak berpeghuni kerana kadar sewanya didakwa lebih

tinggi daripada ekuan rumah diberikan kepada guru.

"Berikutan itu, guru-guru di sini kurang berminat mendudukinya kerana nilai kadar sewa lebih kurang sama dengan rumah di taman perumahan berhampiran lokasi mereka mengajar," katanya kepada media selepas mengadakan tinjauan kuarters kerajaan terbiar sekitar Parlimen Parit Buntar.

Abu Bakar berkata, tin-

jauan di kuarters kerajaan di Kuala Bagan Tiang dan Batu Lima, di sini mendapati keadaan infrastruktur bangunan itu terjejas dan ada unit rumah dipenuhi semak samun.

Katanya, peningkatan kadar sewa rumah di Parlimen Parit Buntar berlaku setiap tahun dan masih ramai pasangan muda baharu berkahwin tinggal bersama keluarga masing-masing disebabkan tidak mampu menyewa rumah.



Abu Bakar meninjau keadaan infrastruktur salah sebuah rumah kuarters kerajaan di Kuala Bagan Tiang, Parit Buntar yang terjejas dan tidak diselenggarakan dengan baik. Gambar kecil: Abu Bakar.